

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/11/19 - 93

HARI INOVASI DAN INTEGRITI LHDNM BAGI TAHUN 2020 DISAMBUT DALAM SUASANA NORMA BAHARU

Cyberjaya, 19 November 2020 – Tahun 2020 menyaksikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menyambut Hari Inovasi dan Integriti 2020 (HII 2020) dalam suasana norma baharu apabila semua pengisian program dan kemuncak sambutannya berlangsung secara maya atau dalam talian.

Pada hari ini YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia telah sudi merasmikan sambutan HII 2020 dengan menyampaikan ucapannya serta menyempurnakan gimik perasmian sambutan tersebut.

Dalam ucapannya YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengiktiraf inisiatif LHDNM meraikan Hari Inovasi dan Integriti kerana ia terbukti dapat menjadikan LHDNM sebagai agensi yang beramanah dan sentiasa bersedia mendepani ledakan Revolusi Industri 4.0 melalui pendigitalan semua proses kerja pemungutan cukai. Di samping itu, kewujudan Pelan Transformasi Hasil di LHDNM juga telah membolehkan LHDNM mengadaptasi persekitaran kerja norma baharu dengan pantas tanpa menjejaskan perkhidmatan kepada pembayar cukai apabila agensi kerajaan diminta untuk melaksanakan Bekerja Dari Rumah (BDR) lantaran impak pandemik COVID-19.



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 1 daripada 8

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz turut menyentuh berkaitan peranan penting LHDNM dalam memastikan semua inisiatif dalam Belanjawan 2021 dapat dilaksanakan dengan berkesan. Menurut beliau, pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan menaruh harapan yang tinggi kepada LHDNM untuk mengutip cukai langsung seperti yang ditetapkan, iaitu RM127 bilion bagi tahun 2020 dan RM143.9 bilion yang disasarkan bagi tahun 2021. Ujarnya lagi, keupayaan LHDNM untuk beroperasi dengan efektif dan berkesan dalam memungut hasil negara sudah pasti akan memudahkan kerajaan untuk merealisasikan agenda pemulihan dan pembangunan negara seperti yang digariskan dalam Belanjawan 2021 dan RMK ke-12.

Sebelum itu dalam ucapan alu-aluan oleh Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, beliau terus mengulangi komitmen jitu LHDNM dalam memastikan inovasi dan integriti sentiasa dibudayakan oleh setiap warga kerjanya. Menurut beliau, ini terbukti melalui pelaksanaan Pelan AntiRasuah LHDNM (PeARL) mulai 1 November 2019, pewujudan *Integrity Pact* dalam semua urusan perolehan di LHDNM dan penubuhan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Negeri yang bertujuan memantau serta mengawalselia setiap pegawai LHDNM di seluruh negara.

Menyentuh berkaitan dengan usaha kerajaan dalam menjamin kesejahteraan hidup rakyat, kelangsungan perniagaan dan mewujudkan ketahanan ekonomi dalam mendepani kesan negatif pandemik COVID-19, LHDNM menzahirkan rasa bangga kerana terus diberikan kepercayaan oleh kerajaan sebagai agensi utama yang menguruskan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Geran Khas Prihatin (GKP). Pelbagai insentif percukaian yang diperkenalkan juga terbukti telah memberikan kelegaan kepada rakyat dan komuniti perniagaan serta berjaya merangsang semula pertumbuhan ekonomi negara.



Program sambutan yang disiarkan secara langsung dan boleh ditonton melalui pautan <https://youtu.be/dQcsYnZXUD8> ini turut diserikan dengan pelancaran tiga produk baharu hasil cetusan idea inovasi dan kreativiti warga kerja LHDNM iaitu:

1. **Buku Pelan Korporat LHDNM 2021 hingga 2025**, yang merupakan manifestasi pelan dan strategi lima (5) tahun LHDNM untuk menjadi pentadbir cukai terunggul dengan menggariskan empat teras strategi utama;
2. **MyTax** yang merupakan pusat gerbang maklumat dan *one stop centre* bagi pembayar cukai, di mana pembayar cukai boleh mengakses maklumat seperti transaksi lejar, status bayaran balik, potongan cukai bulanan, jadual ansuran CP500 dan status Sijil Penyelesaian Cukai (SPC). Selain itu, MyTax juga menyediakan capaian ke perkhidmatan yang disediakan oleh LHDNM seperti e-Filing, ByrHasil, e-Daftar dan lain-lain; dan
3. **APM Digital Learning Hub**, sebagai platform e-pembelajaran yang menyediakan pelbagai pilihan kandungan pembelajaran korporat yang komprehensif termasuk kursus, video, buku dan sumber-sumber lain berkaitan Kemahiran Perniagaan dan Pengurusan, Pembangunan Kepimpinan, Transformasi Digital, Operasi Teknologi Maklumat serta Pengurusan Projek.

Sepanjang tempoh sambutan HII 2020 juga pelbagai program dan pertandingan telah dilaksanakan sebagai usaha berterusan LHDNM menyemarakkan budaya inovasi dalam kalangan warga kerjanya. Senarai pertandingan dan para pemenangnya adalah seperti berikut:



Jadual 1 : Senarai Pertandingan dan Pemenang sempena Hari Inovasi dan Integriti LHDNM tahun 2020

BIL.	PERTANDINGAN	SENARAI PEMENANG
1.	<p>Anugerah Inovasi CEO (AICEO) 2020</p> <p>Hadiah: Wang Tunai, Piala dan Sijil Penghargaan</p>	<p>Nama Kumpulan: STAMPS ALL STARS (Jabatan Teknologi Maklumat, LHDNM)</p> <p>Nama Projek: INOVASI PENYETEMAN BERKELOMPOK STAMPS DENGAN TEKNOLOGI IMAGE DECODING</p> <p>Nama Ahli:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Norshahidah Lateh 2. Maslina Md Samidi 3. Noraishah Mokhdzar 4. Suhana Mokhtar
2.	<p>IDEA@HASIL 2020</p> <p>Hadiah: Wang Tunai dan Sijil Penghargaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Zurina Mohd Hashim (Cawangan Pembayar Cukai Besar, LHDNM) 2. Puteri Nur Liana Megat Mohd Fauzi (Jabatan Pematuhan Cukai, LHDNM) 3. Balashanmugam Apparoo (Cawangan Siasatan Pulau Pinang, LHDNM) 4. Nadianauli Yaakub (Jabatan Percukaian Antarabangsa, LHDNM) 5. Jamsari Ramli (Cawangan Sungai Petani, LHDNM)
3.	<p>Pertandingan Mencipta Poster Integriti LHDNM</p>	<p>Tempat Pertama Mohd Hazwan Hamzah (Pejabat Pengarah Negeri Johor, LHDNM)</p>



	<p>Hadiah: Wang Tunai dan Sijil Penghargaan</p>	<p>Tempat Kedua Muhammad Hafizi Rashid (Cawangan Klang, LHDNM)</p> <p>Tempat Ketiga Mohd Zabiedy Mohd Sulaiman (Jabatan Teknologi Maklumat, LHDNM)</p>
<p>4.</p>	<p>Pertandingan Kuiz</p> <p>Hadiah: Wang Tunai dan Sijil Penghargaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Dzarif Farhan Che Azman Jabatan Pematuhan Cukai, LHDNM 2) Hamiza Adhlina Hamzah Cawangan Wangsa Maju, LHDNM 3) Siti Zaleha Ab. Hamid Cawangan Kota Bharu, LHDNM 4) Ramlah Ab. Rasit Cawangan Kota Bharu, LHDNM 5) Amni Bahirah Mohd Rodzi Cawangan Wangsa Maju, LHDNM 6) Salmi Mohd Sohaimi Cawangan Wangsa Maju, LHDNM 7) Mohd Ezani Yunus Cawangan Wangsa Maju, LHDNM 8) Noor Habibi Abdullah Cawangan Teluk Intan, LHDNM 9) Muhamad Hafiz Nor Cawangan Kota Bharu, LHDNM 10) Norazida Irani Ghazali Cawangan Kota Bharu, LHDNM 11) Dayang Maimunah Awang Yusof Cawangan Labuan, LHDNM 12) Noor Na'imah M. Effandy Cawangan Bintulu, LHDNM 13) Naziha Idris Cawangan Kota Bharu, LHDNM 14) Noraila Awang @ Hasbullah Cawangan Kota Bharu, LHDNM



		<p>15)Noordina Hassan Cawangan Wangsa Maju, LHDNM</p> <p>16)Emmy Nazura Abdul Rashid Cawangan Kota Bharu, LHDNM</p> <p>17)Nurul Suhaini Mami Cawangan Wangsa Maju, LHDNM</p> <p>18)Dewi Sutra Djasman Cawangan Kota Bharu, LHDNM</p> <p>19)Noor Amalina Mahussin Cawangan Kota Bharu, LHDNM</p> <p>20)Laura Helga Benard Cawangan Labuan, LHDNM</p>
5.	<p>Kembara Inovasi Hasil Maya 2020</p> <p>Wang Tunai dan Sijil Penghargaan</p>	<p>Tempat Pertama</p> <p>Pasukan: Just Do Perfectly (Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM)</p> <p>Tempat Ke-2</p> <p>Pasukan: Digital Hunters (Cawangan Siasatan Klang, LHDNM)</p> <p>Tempat Ke-3</p> <p>Pasukan: Men in Mask (Cawangan Wangsa Maju, LHDNM)</p> <p>Tempat Ke-4 hingga Ke-10</p> <p>Pasukan: Waghiih (Cawangan Seremban, LHDNM)</p> <p>Pasukan: Bono Squad (Jabatan Teknologi Maklumat, LHDNM)</p> <p>Pasukan: Double Trouble (Cawangan Shah Alam, LHDNM)</p>



	<p>Pasukan: Virtual Warrior (Cawangan Pembayar Cukai Besar, LHDNM)</p> <p>Pasukan: Janji Tak Kalah (JTK) (Jabatan Tindakan Khas, LHDNM)</p> <p>Pasukan: CIKeboom (Cawangan Industri Khas, LHDNM)</p> <p>Pasukan: BOD of JOC (Jabatan Operasi Cukai, LHDNM)</p>
--	--

Di samping itu, LHDNM turut mengambil inisiatif menghargai pembayar cukai yang berterusan mempamerkan prestasi pematuhan yang tinggi dengan pengiktirafan kepada **10 Pembayar Cukai Terbaik** berdasarkan rekod percukaian mereka sepanjang tahun 2019.

Lima (5) orang warga kerja LHDNM yang paling cemerlang bagi tahun 2019 juga diberikan penghargaan Anugerah **Most Outstanding Hasilian 2019** pada sambutan Hari Inovasi dan Integriti kali ini.

Senarai 10 pembayar cukai terbaik dan lima penerima Anugerah Most Outstanding Hasilian 2019 adalah seperti berikut:

10 Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2019

1. CIMB Bank Berhad;
2. Malayan Banking Berhad;
3. Public Bank Bhd;
4. Malaysia LNG Dua Sdn Bhd;
5. QSR Stores Sdn Bhd;
6. Toray Plastics (Malaysia) Sdn Bhd;
7. AEON Co (M) Bhd (Jaya Jusco Stores Bhd);
8. Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd;
9. Lonpac Insurance Bhd; dan
10. Pantai Medical Centre Sdn Bhd.



Penerima Anugerah Most Outstanding Hasilian 2019

1. Dr. Mohd Shamsulizam Zainudin (Jabatan Dasar Percukaian);
2. Dr. Muhammad Najib Samad (Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif);
3. Dr. Mohd Arif Romli (Jabatan Penyelidikan Percukaian);
4. En. Abdul Rauf Abdullah Sani (Jabatan Khidmat Korporat);
5. Pn. Suria Maimun Mat Jais (LHDNM Cawangan Ipoh).

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 19 November 2020

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 8 daripada 8